

16 APR, 2025

Lokasi letupan

SelangorKini, Malaysia



Page 1 of 3



API yang menjulang sehingga lebih 30 meter akibat letupan salur paip gas Petronas di Subang Jaya pada pagi 1 April 2025 meninggalkan kawah besar di tempat kejadian. Bahang luar biasa menjasakn ratusan unit kediaman, dengan kerugian dianggarkan RM463.4 juta, termasuk puluhan yang musnah sepenuhnya dan tidak lagi boleh diduduki.

Foto tujuh hari selepas kejadian ini menunjukkan kerja-kerja pengepaman air untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan teknikal mengenai pasti punca kejadian.

Lebih 450 kelurga yang terjejas menerima bantuan Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan dan pelbagai pihak swasta dan sukarelawan, sementara kesan sebenar bencana akan betul-betul diketahui beberapa minggu lagi. Foto BERNAMA

16 APR, 2025

Lokasi letupan

SelangorKini, Malaysia



Page 2 of 3

Lokasi letupan

SELANGOR KHAS TRAGEDI LETUPAN GAS PUTRA HEIGHTS



Foto dirakam dari 1 April hingga 4 April 2025. Foto BERNAMA kecuali dinvatakan

16 APR, 2025

Lokasi letupan

SelangorKini, Malaysia



Page 3 of 3



- 46 orang terima rawatan, 26 di hospital termasuk seorang di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 20 lagi di klinik, menurut Kementerian Kesihatan
- DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj titahkan PPS di Masjid Putra Heights dibuka kepada semua mangsa termasuk bukan beragama Islam
- Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kota Raja umum tanggung bil utiliti Masjid Putra Heights yang dijadikan PPS
- 142 mangsa terima khidmat kaunseling di Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di PPS Masjid Putra Heights
- Tenaga Nasional Berhad (TNB) umum rebat 100 peratus satu bulan bil kepada mangsa terjejas
- Lembaga Zakat Selangor (LZS) salur bantuan awal RM500 kepada setiap ketua keluarga Islam selain sumbangan susulan seperti baik pulih rumah, bantuan sewa dan bantuan bencana

5 APRIL

- Kerajaan Negeri lancar Tabung Selangor Prihatin untuk kumpul sumbangan pelbagai pihak
- Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan tinjau lokasi dan serah sumbangan peribadi
- Bomba benarkan pemilik rumah yang alami kerosakan bawah 20 peratus untuk pulang. Bomba juga umum penilaian keselamatan lokasi kejadian dijangka selesai esok
- Lima syarikat automotif sediakan hampir 300 kenderaan secara percuma kepada mangsa
- Dato' Menteri Besar umum Rumah Terbuka Madani Selangor dibatal, agih juadah ke PPS
- Beliau juga umum MBSJ dan Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) melalui proses audit sejak hari kedua kejadian
- Lima pengangkutan khas untuk bawa pelajar terjejas ke 34 sekolah, kata Amirudin
- Tan Sri Vincent Tan hulur bantuan tunai kepada

lebih 400 mangsa

- Menteri Pengangkutan Anthony Loke umum kerajaan bantu bina semula rumah yang musnah sepenuhnya

6 APRIL

- Operasi keluarkan air bertakung di kawah dijalankan ekoran hujan lebat sehari sebelumnya
- Kejujukan akhir mendapat 219 daripada 439 rumah terjejas manakala 220 selamat
- Menurut polis, tiada gangguan nyata pada paip. Kerja korekan dibuat pada kedalaman 2.1 meter (m) manakala kedalaman paip gas Petronas 5.6m
- Dato' Menteri Besar tegaskan tiada mangsa disisih dari bantuan meski tiada insurans
- EXCO Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari umum PPS Taman Harmoni dibuka sebagai pusat pengumpulan barang sumbangan
- Selangor umum 10 van transit atas permintaan (DRT) untuk bawa pelajar ke sekolah esok
- Mangsa dijamu hidangan Aidilfitri susulan pembatalan sambutan rumah terbuka negeri. Juadah turut dihantar ke sekolah asrama penuh dan rumah anak yatim

7 APRIL

- Dato' Menteri Besar umum 81 pemilik rumah yang musnah menerima sumbangan RM10,000
- Turut umum tumpang kos sewaan rumah 613 keluarga sebanyak RM2,000 selama enam bulan
- Kejujukan dan penstabilan tapak dimulakan supaya siasatan teknikal boleh dijalankan mulai 15 April
- hari pertama persekolahan menyaksikan 76 pelajar dari dua PPS menggunakan perkhidmatan DRT ke sekolah
- pihak berkuasa teruskan kerja keluarkan air bertakung di kawah ekoran hujan beberapa hari lepas

- Seramai 235 mangsa menerima kaunseling sejak dibuka

8 APRIL

- Polis Selangor nafi dakwaan pihak berkuasa itu menyorokkan kematian insiden letupan
- 39 orang daripada keseluruhan 150 mangsa masih terima rawatan di hospital dan klinik, menurut Kementerian Kesihatan
- Kementerian Pengangkutan sumbang 55 motosikal untuk mangsa menjalankan urusan harian
- Sebanyak 270 pemilik dibenar pulang, angka meningkat berbanding 151 sebelumnya
- Umum kerja korekan tanah mulai 9 April selepas pemasangan cerucuk siap. Kerja stabilkan tanah capai 30 peratus
- TNB dan Telekom Malaysia (TM) hampir selesai pemeriksaan sistem bekalan. Dijangka pulih sepenuhnya 11 April**
- KDEBWM umum sampah yang dikutip sejak 2 hingga 7 April dianggar 12 hingga 18 tan sehari

9 APRIL

- Dato' Menteri Besar umum semua mangsa di PPS Dewan Camelia dibenarkan pulang. PPS itu ditutup mulai 9 April manakala penghuni PPS Masjid Putra Heights dibenarkan pulang secara berperingkat
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pegawai atasan sumbang RM1,000, Ahli Dewan Negeri (RM200), Ahli Majlis (RM100) dan pegawai gred 48 (RM50). Jumlah keseluruhan RM102,050
- 469 ketua isi rumah layak terima bantuan. Serahan bantuan fasa satu dijangka selesai minggu ini
- Pejabat Daerah dan Tanah Petaling buka kaunter bergerak kerana terima banyak laporan kehilangan dan kerosakan dokumen
- 1,000 sukarelawan dijangka terlibat proses pembersihan pada 12 dan 13 April
- jalan sepanjang 30m merentangi kawasan insiden ditutup bagi beri ruang siasatan